Gejala Sosial

Laporan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2003 dan statistik daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) menunjukkan penglibatan dalam gejala sosial bermula seawal umur 10 tahun. Mengikut perangkaan yang dikeluarkan pada tahun 2005 oleh PDRM, sebanyak 76,403 kes jenayah yang dilaporkan pada tahun tersebut di seluruh Malaysia iaitu melibatkan jenayah berbentuk kekerasan dan jenayah harta benda.

* Sumber: Statistik Polis DiRaja Malaysia (PDRM), 2005

Merokok

Berdasarkan Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004, berkuat kuasa mulai 1 Jun 2006, kerajaan telah mengambil langkah dengan mewajibkan mana-mana industri tembakau membuat paket baru bagi rokok. Kuantiti rokok yang kurang daripada 14 batang tidak dibenarkan dijual mulai tarikh tersebut. Tindakan ini diambil bagi mengurangkan pembelian rokok di kalangan individu dan remaja bawah umur juga boleh mengurangkan kadar pembelian kerana sekotak rokok mempunyai nilai yang tinggi.

* Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia, 2006

Merokok mengikut jantina

Kajian yang dijalankan berkaitan dengan kegiatan merokok menunjukkan sebanyak 47.2% daripada jumlah lelaki (2,054 orang) adalah perokok. Manakala sebanyak 4.8% daripada jumlah belia perempuan (2,030 orang) menghisap rokok.

KEGIATAN MEROKOK BELIA

Jantina	%	10 20 30 40 50	Jumlah
Lelaki	47.2		2,054
Perempuan	4.9		2,030


* Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM), 2006



Merokok mengikut kategori umur belia

Kekerapan merokok mengikut umur menunjukkan, sebanyak 76.9% yang merokok kurang daripada 10 batang sehari adalah di kalangan umur belia 15 hingga 25 tahun. Manakala sebanyak 68.6% pula terdiri di kalangan belia yang berumur 26 hingga 40 tahun.

Bagi kekerapan menghisap rokok 10 hingga 20 batang sehari menunjukkan sebanyak 12.5% terdiri di kalangan belia yang berumur 15 hingga 25 tahun dan 17.5% di kalangan belia berumur 26 hingga 40 tahun. Manakala kekerapan menghisap rokok iaitu lebih 20 batang sehari, umur antara 15 hingga 25 tahun adalah sebanyak 10.6% dan 13.9% di kalangan belia berumur 26 hingga 40 tahun.




* Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM), 2006

Tahap penghargaan kendiri dan merokok

Sebanyak 42.4% belia yang menghisap rokok mempunyai tahap penghargaan kendiri yang rendah dan sebanyak 24.2% terdiri di kalangan belia yang mempunyai penghargaan kendiri yang tinggi.

KEGIATAN MEROKOK BELIA

Penghargaan kendiri	%
Tahap rendah	42.4
Tahap tinggi	24.2




* Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM), 2006

Tahap motivasi dan merokok

Peratusan belia yang mempunyai tahap motivasi pada tahap rendah juga adalah lebih banyak iaitu 33.8% dan sebanyak 25.3% di kalangan belia yang mempunyai tahap motivasi tinggi.

KEGIATAN MEROKOK BELIA

Motivasi	%
Tahap rendah	33.8
Tahap tinggi	25.3



* Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM), 2006

Penyalahgunaan Dadah

Statistik penagih dadah di Malaysia bagi tempoh 1988 hingga 2005 yang telah dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan, jumlah penagih dadah terkumpul bertambah dari 289,763 pada tahun 2005 kepada 292,696 orang sehingga Mac 2006. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 1.32% berbanding tempoh yang sama pada tahun 2005. Bilangan penagih ini telah menyumbang 1.1% daripada jumlah penduduk Malaysia.

* Sumber : Buletin Dadah Bil 1/2006 Agensi Antidadah Kebangsaan (ADK), 2006

Jumlah penagih dadah mengikut jantina

Daripada jumlah 32,808 yang menagih dadah bagi tahun 2005, sebanyak 97.97% terdiri daripada lelaki berbanding perempuan iaitu 2.03%.

PENYALAHGUNAAN DADAH DI MALAYSIA

Jantina	Bilangan	%
Lelaki	32,141	97.97
Wanita	667	2.03

* Sumber : Agensi Antidadah Kebangsaan (ADK), 2006

Jumlah penagih dadah mengikut etnik

Majoriti daripada penagih dadah pada 2005 adalah terdiri daripada etnik Melayu (65.9%). Etnik Cina yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah adalah 18.4%, dan etnik India adalah sebanyak 10.1%. Bumiputera Sabah dan Sarawak yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah adalah 4.0% dan lain-lain 1.6%.

PENYALAHGUNAAN DADAH DI MALAYSIA

Etnik	Bilangan	%
Melayu	191,141	65.9
Cina	53,210	18.4
India	29,134	10.1
Bumiputera Sabah & Sarawak	11,795	4.0
Lain-lain	4,483	1.6
Jumlah	289,763	100

* Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan (ADK), 2006

Penagihan dadah di kalangan belia

Jumlah terkumpul penagih belia di Malaysia bagi tempoh 1988-2005 adalah sebanyak 254,020 orang. Jika dibandingkan dengan jumlah penduduk belia pada tahun 2005, sebanyak 2.3% belia dikenal pasti terlibat dengan penagihan dadah.

* Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan (ADK), 2006




Hubungan antara motivasi dengan pengambilan dadah

Melalui kajian ini juga didapati belia yang mempunyai motivasi rendah iaitu sebanyak 3% cenderung mengambil dadah. Manakala bagi belia yang mempunyai motivasi tinggi dan terlibat dalam gejala ini adalah sebanyak 1%.

PENYALAHGUNAAN DADAH DI KALANGAN BELIA

Tahap Motivasi	%
Rendah	3
Tinggi	1
Jumlah	4



* Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM), 2006



HIV / AIDS

Bilangan pesakit HIV/AIDS adalah seramai 64,439 orang sehingga tahun 2004. Pada tahun 1986 pesakit HIV adalah seramai 3 orang. Sehingga tahun 2004, seramai 9,442 orang telah dijangkiti AIDS manakala hanya seorang telah dijangkiti AIDS pada tahun 1986.

Daripada jumlah 64,439 orang pesakit AIDS, kes kematian akibat AIDs adalah sebanyak 7,195 orang (76%).

Sumber : Laporan Tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia,2005



Kategori umur pesakit HIV dan AIDS

Majoriti pesakit HIV adalah berumur antara 30 hingga 49 (57.4%), begitu juga yang mengidap AIDS (68.0%). Manakala yang kedua terbesar adalah bagi kelompok umur 20 hingga 29 tahun iaitu HIV (38.3%) dan AIDS (24%).

Bagi peringkat umur lebih dari 49 tahun, pesakit HIV adalah sebanyak 3% dan yang mengidap AIDS sebanyak 7.3%. Sebanyak 0.2% yang mengidap HIV dan 0.4% yang mengidap AIDS adalah bagi lingkungan umur kurang dari 2 tahun. Masing-masing sebanyak 1.1% (HIV) dan 0.3% (AIDS) tiada mempunyai maklumat umur.

Mengidap HIV Kes AIDS

PESAKIT HIV (1986 - 2004)

Umur	Bilangan
20 - 29 tahun	23,350
	1,961
30 - 39 tahun	27,538
	4,216

* Sumber: Unit AIDS/STI Kementerian Kesihatan Malaysia,2006

Lumba Haram

Kematian yang tinggi dilaporkan setiap tahun akibat kegiatan lumba haram. Bermula daripada tahun 2001 hingga 2004, jumlah tangkapan yang dijalankan oleh PDRM adalah sebanyak 5,332 kes di seluruh Malaysia. Sepanjang tempoh tersebut, Selangor mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu sebanyak 1,041 kes. Dalam satu operasi pencegahan yang dijalankan didapati kebanyakan yang ditahan dalam lingkungan umur 16 hingga 28 tahun.

* Sumber: Statistik Polis DiRaja Malaysia (PDRM), 2004



Statistik lumba haram di Malaysia

STATISTIK LUMBA HARAM BAGI TAHUN 2001 - 2004

Negeri	Bilangan	%
Perlis	27	0.5
Kedah	112	2.0
Pulau Pinang	431	8.0
Perak	635	12.0
Selangor	1,041	20.0
Kuala Lumpur	255	5.0
Negeri Sembilan	469	9.0
Melaka	81	1.0
Johor	925	17.0
Pahang	477	8.9
Kelantan	141	3.0
Terengganu	201	4.0
Sabah	240	4.5
Sarawak	292	5.0
Labuan	5	0.1
Jumlah	5,332	100.0

* Sumber: Statistik Polis DiRaja Malaysia (PDRM), 2004


Tempat tinggal dan aktiviti lumba haram

Daripada 173 orang yang terlibat dengan lumba haram, sebanyak 53.7% belia tinggal bersama ibu bapa sendiri, 28% pula yang terlibat tinggal bersama rakan/saudara mara dan 10.4% tinggal bersama ibu atau bapa sahaja.

Selain itu, sebanyak 6.9% tinggal bersama keluarga sendiri (yang telah berkahwin) dan selebihnya 0.6% tinggal bersama ibu atau bapa tiri.

PENGLIBATAN LUMBA HARAM DI KALANGAN BELIA

Tinggal bersama	%
Ibu bapa	53.8
Ibu atau bapa	10.4
Ibu tiri atau bapa tiri	0.6
Keluarga sendiri	6.9
Rakan dan lain-lain	28.3



* Sumber: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM), 2006